

109 Kadet PALAPES UMS Ditauliah

Seramai 109 anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mendapat pentauliahan pada Majlis Pentauliahan Kadet PALAPES IPTA di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Daripada jumlah itu, 93 anggota PALAPES UMS terdiri daripada komponen PALAPES Darat, manakala 16 yang lain merupakan ahli dari komponen PALAPES Udara UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Majlis pentauliahan tersebut telah disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail pada 12 Jun yang lalu. Ia turut disaksikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan seluruh Naib Canselor IPTA termasuk Naib Canselor UMS Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Sebelum itu, anggota PALAPES telah menjalani latihan selama 2 minggu, bermula pada 31 Mei sehingga pengumuman majlis tersebut. Para anggota yang terlibat telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda Rejimen Askar Wataniah.

